

TS  
490

HUBUNGAN ANTARA PENCAPAIAN AKADEMIK  
DAN KEPINTARAN EMOSI DI KALANGAN  
PELAJAR-PELAJAR KKTM/IKM

NORMA BINTI MAHMOOD

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN  
IBU PEJABAT MARA

HUBUNGAN ANTARA PENCAPAIAN AKADEMIK DAN KEPINTARAN  
EMOSI DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR KKTM/IKM

NORMA BINTI MAHMOOD

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENGURUSAN  
PERNIAGAAN

Control No:	000480
Accession No.:	460490
LC No.:	Ts .N673 2010

PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH PERNIAGAAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI

2010

### PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 Oktober 2010

NORMA BINTI MAHMOOD

ZP 00220

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t dan selawat ke atas junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W. Allhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana memberi kekuatan dan kesabaran sehingga dapat saya menyiapkan projek ini walaupun terpaksa menempuhi pelbagai dugaan dan cabaran. Dengan kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Nik Mutasim B. Hj. Nik Ab. Rahman selaku penyelia projek ini atas segala tunjuk ajar, bantuan, bimbingan serta nasihat yang diberikan sepanjang tempoh menjalankan kajian ini. Segala ilmu yang dicurahkan akan disimpan dan digunakan untuk kajian akan datang.

Ucapan jutaan terima kasih juga kepada semua pensyarah yang telah memberi ilmu bagi menyempurnakan kursus sarjana ini. Begitu juga jutaan terima kasih kepada rakan-rakan yang banyak membantu dalam menyiapkan projek ini, khususnya Pn. Zuliana Mohd. Zabidi dan Pn. Norehan Samsudin.

Setinggi-tinggi penghargaan buat suami tercinta Tun Seri Akmal B. Othman yang merestui dan memahami perjuangan serta menjadi pendorong utama dan sumber inspirasi dalam pengajian ini. Begitu juga anak-anak yang disayangi Abdul Rahman, Amilah, Adlan, Adlin dan Elya yang sentiasa memahami dan memberi kerjasama.

Akhir sekali saya memohon kepada Allah S.W.T semoga memberi keberkatan kepada saya dan mereka yang memberi bantuan secara langsung atau tidak langsung.

## ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat kesan kepintaran emosi dan faktor demografik terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan Institut Kemahiran MARA. Selain dari itu kajian ini juga bertujuan untuk melihat samada terdapat perkaitan di antara masalah kekeluargaan dan masalah kewangan. Seramai 110 pelajar semester akhir pada peringkat diploma menjadi responden dalam kajian ini. Namun begitu hanya 103 pelajar sahaja yang memberi maklum balas terhadap kajian ini yang mana pada kadar lebih kurang 94%. Data yang diperolehi telah di analisis menggunakan statistik diskriptif iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis demografik pelajar. Statistik inferensi iaitu ujian-t digunakan untuk menganalisis perbezaan antara dimensi konsep sendiri dan personaliti mengikut jantina. Manakala statistik inferensi iaitu korelasi Pearson pula digunakan pada aras signifikan 0.05 bagi menganalisis hubungan antara kecerdasan emosi dan faktor demografik dengan pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai kepintaran emosi di tahap sederhana. Selain itu, analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepintaran emosi dikalangan pelajar lelaki dan perempuan. Analisis korelasi Pearson pula mendapati terdapat hubungan yang signifikan yang menyongsang antara kesedaran sendiri dengan pencapaian akademik. Oleh itu beberapa sebab telah dikemukakan menyokong dapatan ini. Hasil ujian Regresi Linear mendapati empat faktor penyumbang kepada pencapaian akademi pelajar yang signifikan iaitu kesedaran sendiri, tempat tinggal, sikap suka bertanya guru dan tempat belajar yang kondusif. Dengan mengambil kira empat faktor tersebut hanya dapat menyumbangkan lebih kurang 20% sahaja daripada variasi dalam pencapaian akademik, yang selebihnya mungkin di sebabkan oleh faktor lain yang tidak termasuk dalam kajian ini.

## ABSTRACT

This research is conducted to verify the correlation between emotional intelligence and the demographic factor and its effect on the academic achievement of KKTM and IKM students. This research is also meant to determine the intertwining effects of dysfunctional family relationships and financial difficulty. The targeted respondents were 110 students from the final semester of a diploma level. However, only 94% or 103 students participated as respondents. Descriptive Statistic has been used to analyze the collected data. The frequency, percentage, mean and standard deviation were used to analyze students' demographic. Inference Statistic which is t-test is used to analyze the differences in self concept and personality by gender. While Pearson Correlation is used to analyze the correlation between emotional intelligence and demographic factor and its impact on academic achievement. This analysis was analyzed at 0.05 significant level. Research findings revealed that respondents' emotional intelligence is mediocre. What's more, the t-test analysis showed that there are no significant differences in EQ between genders. While the Pearson Correlation analysis has found out that there is a conflicting significant relationship between self awareness and academic achievement. Therefore, a few justifications have been offered to support this finding. The results of Linear Regression have suggested four contributing factors to students' academic achievement. They are namely, self awareness, residence, frequency of make inquiries and a conducive learning environment. By considering these 4 factors contributed about 20% of the variation in academic achievement while the remainder is contributed by other factors which are not accounted for in this research.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	x
<b>BAB I            PENDAHULUAN</b>	
1.1            Pengenalan	1
1.2            Pernyataan Masalah	3
1.3            Objektif Kajian	4
1.4            Kepentingan Kajian	5
1.5            Batasan Kajian	5
<b>BAB II            SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1            Pengenalan	7
2.2            Apakah Itu Kecerdasan Emosi?	8
2.3            Komponen Asas Kepintaran Emosi	10
2.4            Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kepintaran Emosi	12
2.5            Pentingnya Kepintaran Emosi Dalam Kehidupan	14
2.6            Kajian Yang Lepas	15

<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	18
3.2	Sampel Kajian	18
3.3	Instrumen Kajian	18
3.4	Kajian Rintis	19
3.5	Kerangka Konseptual	20
<b>BAB IV</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
4.1	Analisis Data	21
4.2	Analisis Deskriptif	22
	4.2.1 Demografik Responden	22
	4.2.2 Pencapaian Akademik Responden	26
	4.2.3 Kepintaran Emosi Responden	28
4.3	Kebolehpercayaan dan Kesahan	28
4.4	Pengujian Hipotesis	29
	4.4.1 Ujian-t	30
	4.4.2 ANOVA	31
	4.4.3 Korelasi	33
	4.4.4 Regresi Linear	39
<b>BAB V</b>	<b>RUMUSAN &amp; CADANGAN</b>	
5.1	Rumusan	44
5.2	Cadangan	46
5.3	Cadangan Kajian Akan Datang	48
5.4	Penutup	49



RUJUKAN		50
LAMPIRAN		
A	Soal selidik	51
B	Analisis Kesahan	58
C	Ujian-t	63
D	Analisis Korelasi	64
E	ANOVA	68
F	Regresi Berbilang	69
G	Laporan pelajar yang dikenakan tindakan tatatertib	74

Hak Milik MARA

## SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1.	Bilangan responden mengikut jantina	22
2.	Bilangan responden mengikut tempat tinggal	23
3.	Bilangan responden mengikut perhubungan ibubapa	24
4.	Bilangan responden mengikut bilangan adik beradik	25
5.	Bilangan responden mengikut Jumlah Pendapatan	26
6.	Peratus keputusan SPM mengikut subjek	27
7.	Statistik Deskriptif bagi kepintaran emosi	28
8.	Ringkasan analisis kebolehpercayaan bagi kepintaran emosi	29
9.	Ujian-t perbezaan kepintaran emosi mengikut jantina	30
10.	ANOVA kecerdasan emosi mengikut tempat kediaman	31
11.	ANOVA kecerdasan emosi mengikut perhubungan ibubapa	32
12.	ANOVA kecerdasan emosi mengikut bilangan adik beradik	33
13.	Ringkasan Korelasi Pearson di antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik	33
14.	Korelasi di antara CGPA dan item di dalam kecerdasan emosi	34
15.	Nilai Pekali Pearson di antara kepintaran emosi dan kepintaran akademi (mengikut subjek)	35
16.	Pekali Korelasi Pearson di antara kepintaran emosi dan Penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum.	36
17.	Pekali Korelasi Pearson di antara CGPA dan gred subjek matematik, matematik tambahan, sains dan Bahasa Inggeris	37
18.	Pekali Korelasi Pearson di antara komponen kepintaran emosi	38
19.	Pekali Korelasi Pearson di antara CGPA dan Penerimaan anugerah	38
20.	Pekali Korelasi Pearson di antara CGPA dan komponen kepintaran emosi	39
21.	Ringkasan model untuk analisis regresi	39
22.	Analisis Regresi bagi setiap pembolehubah bebas	40
23.	Ringkasan model	41
24.	Ringkasan koefisien	42

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
1.	Kerangka konseptual	20
2.	Bilangan responden mengikut jantina	22
3.	Peratus responden mengikut tempat tinggal	23
4.	Peratus responden mengikut perhubungan ibubapa	24
5.	Peratus responden mengikut bilangan adik beradik	25
6.	Bilangan pelajar mengikut pencapaian CGPA	26
7.	Peratus keputusan SPM mengikut subjek	27

Hak Milik MARA

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Dalam situasi negara yang sedang pesat membangun, pendidikan bukan sahaja merupakan keperluan yang amat penting dikalangan generasi muda, malah ia adalah tunggak kepada kemajuan negara. Oleh itu pencapaian akademik yang cemerlang kini menjadi matlamat utama setiap pelajar, ibubapa dan para pendidik.

Banyak kajian yang cuba melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Dalam kajian yang akan dijalankan ini juga akan melihat perhubungan di antara pencapaian akademik dengan kepintaran emosi dan faktor demografik pelajar.

Untuk melahirkan pelajar-pelajar bakal menerajui kepimpinan negara, sistem pendidikan negara kita mengalami perubahan yang sungguh pesat. Umumnya perubahan itu dibuat secara terancang, namun tidak dapat dinafikan ada kalanya ia dibuat secara mendadak mungkin disebabkan perubahan teraju kepimpinan yang menyebabkan para pelajar dan warga pendidik menghadapi dilemma. Contohnya perubahan dalam bahasa perantaraan bagi subjek sains dan matematik di sekolah.

Faktor utama yang menyebabkan perubahan dalam sistem pendidikan kita hari ini adalah kesan globalisasi yang menjadikan dunia semakin sempit. Globalisasi juga meninggalkan kesan ke atas gaya hidup dan sistem nilai warga Malaysia secara langsung dan tidak langsung. Dalam menghadapi masa depan yang semakin mencabar di zaman globalisasi ini, masalah keruntuhan moral di kalangan remaja turut berkembang dengan pesatnya

pendidikan perlu mengkaji sejauh mana kesan emosi dan impaknya kepada masalah remaja, dan seterusnya merangka langkah-langkah pencegahan untuk menanganinya.

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Masyarakat dahulu sering mengukur kejayaan pelajar dengan kepintaran dalam akademik semata-mata. Tetapi hari ini, masyarakat kian sedar akan kepentingan dalam pengurusan emosi yang juga merupakan suatu faktor penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar. Ini berdasarkan teori kecerdasan pelbagai yang telah diperkenalkan oleh Gardner, 1983 dan teori kecerdasan emosi oleh Salovey dan Mayer 1990, Goleman 1995. Teori tersebut menyatakan bahawa kejayaan seseorang bergantung kepada bagaimana cara mereka mengawal emosi dan kemahiran sosial, kecerdasan intelek (IQ) sahaja tidak lagi boleh mengukur kejayaan individu.

Kepintaran emosi merupakan satu set kemahiran yang membezakan setiap individu berdasarkan kebolehan mereka untuk mengawal emosi dan perasaan, berinteraksi dan berkomunikasi. Perkembangan kepintaran emosi individu adalah berterusan dan saling berkait dengan pengalaman hidup individu tersebut. Maka kepintaran emosi bolehlah dianggap sebagai satu bentuk pengukuran keunggulan seseorang individu dalam apa jua kerjaya.

Kajian ini akan melihat faktor-faktor demografik yang akan mempengaruhi emosi seseorang pelajar. Kajian ini juga bertujuan menentukan adakah faktor demografik seperti jantina dan latar belakang keluarga mempengaruhi kecerdasan emosi. Ini untuk memastikan apa yang telah diperkatakan oleh Zinn, et. (2000), iaitu kecerdasan emosi mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar.

Pembentukan konsep sendiri pelajar berkembang sejak dari usia kanak-kanak lagi. Setiap pelajar mempunyai konsep sendiri yang berbeza-beza dan ianya bergantung kepada hubungan mereka dengan seseorang individu. Konsep sendiri yang terbentuk boleh menjadi sama ada positif atau negative, bergantung kepada faktor didikan ibu bapa dan keluarga, pergaulan dengan rakan sebaya ataupun persekitarannya dan juga didikan di

pendidikan perlu mengkaji sejauh mana kesan emosi dan impaknya kepada masalah remaja, dan seterusnya merangka langkah-langkah pencegahan untuk menanganinya.

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Masyarakat dahulu sering mengukur kejayaan pelajar dengan kepintaran dalam akademik semata-mata. Tetapi hari ini, masyarakat kian sedar akan kepentingan dalam pengurusan emosi yang juga merupakan suatu faktor penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar. Ini berdasarkan teori kecerdasan pelbagai yang telah diperkenalkan oleh Gardner, 1983 dan teori kecerdasan emosi oleh Salovey dan Mayer 1990, Goleman 1995. Teori tersebut menyatakan bahawa kejayaan seseorang bergantung kepada bagaimana cara mereka mengawal emosi dan kemahiran sosial, kecerdasan intelek (IQ) sahaja tidak lagi boleh mengukur kejayaan individu.

Kepintaran emosi merupakan satu set kemahiran yang membezakan setiap individu berdasarkan kebolehan mereka untuk mengawal emosi dan perasaan, berinteraksi dan berkomunikasi. Perkembangan kepintaran emosi individu adalah berterusan dan saling berkait dengan pengalaman hidup individu tersebut. Maka kepintaran emosi bolehlah dianggap sebagai satu bentuk pengukuran keunggulan seseorang individu dalam apa jua kerjaya.

Kajian ini akan melihat faktor-faktor demografik yang akan mempengaruhi emosi seseorang pelajar. Kajian ini juga bertujuan menentukan adakah faktor demografik seperti jantina dan latar belakang keluarga mempengaruhi kecerdasan emosi. Ini untuk memastikan apa yang telah diperkatakan oleh Zinn, et. (2000), iaitu kecerdasan emosi mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar.

Pembentukan konsep sendiri pelajar berkembang sejak dari usia kanak-kanak lagi. Setiap pelajar mempunyai konsep sendiri yang berbeza-beza dan ianya bergantung kepada hubungan mereka dengan seseorang individu. Konsep sendiri yang terbentuk boleh menjadi sama ada positif atau negative, bergantung kepada faktor didikan ibu bapa dan keluarga, pergaulan dengan rakan sebaya ataupun persekitarannya dan juga didikan di

sekolah. Konsep sendiri yang terbentuk inilah yang akan mempengaruhi tingkah laku, nilai diri dan pencapaian akademik pelajar.

Menurut Nahar (2005) di dalam kajian yang dijalankan oleh Norlaily Ahmad, Nur Amalina Che Bakri dari Sekolah Menengah Ulu Tiram, Johor yang mendapat 17A1 dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Beliau mengatakan bahawa dia berkeyakinan dan percaya kepada keupayaan dirinya untuk berjaya. Ini menunjukkan bahawa konsep sendiri beliau yang positif. Ini membuktikan hubungan saling mempengaruhi antara konsep sendiri positif dan pencapaian akademik.

Sehubungan dengan itu, kajian yang akan dilakukan ini memfokuskan kepada pengkajian hubungan antara pencapaian akademik pelajar dengan kecerdasan emosi dan faktor demografik. Kajian ini juga dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti dimensi kecerdasan emosi yang manakah paling mempengaruhi dan menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar-pelajar MARA.

Isu pencapaian akademik yang rendah dan tingkahlaku yang bermasalah pelajar Melayu sering diperkatakan sejak akhir-akhir ini. Bila disebut pelajar Melayu, MARA begitu sinonim dengan isu ini khususnya pelajar-pelajar kemahiran seperti di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) dan Institut Kemahiran MARA (IKM). Berdasarkan kepada masalah ini juga, Kolej Kemahiran Tinggi MARA Petaling Jaya (KKTMPJ) dan Institut Kemahiran MARA Johor Baharu (IKMJB) terpilih sebagai sampel untuk kajian ini.

### 1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berasaskan kepada beberapa objektif iaitu untuk:

- a) Mengetahui jenis kecerdasan emosi pelajar KKTM dan IKM
- b) Mengetahui tahap kebolehan kepintaran emosi di kalangan pelajar KKTM dan IKM.
- c) Mengetahui tahap pencapaian akademik dikalangan pelajar KKTM/IKM
- d) Melihat kaitan antara komponen-komponen kepintaran emosi dengan faktor demografi pelajar.

- e) Melihat sejauh mana kaitan kepintaran emosi, faktor demografik dengan pencapaian akademik pelajar.

#### **1.4 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini dijangka dapat mengesan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik dan tingkah laku seseorang pelajar. Pengukuran dimensi kepintaran emosi yang digunakan adalah penting untuk melihat bagaimana pengawalan emosi penting dalam mempertimbangkan sesuatu tugas dan tindakan yang dilakukan boleh mempengaruhi prestasi akademik dan tingkah laku pelajar.

Dapatan kajian ini diharap dapat menjadi panduan kepada MARA khususnya Bahagian Pelajaran dan Latihan Kemahiran (BPLK), dalam membuat dasar berkaitan kurikulum yang lebih berkesan. Diharap dapatan ini juga akan dapat memberi pendedahan kepada pensyarah-pensyarah KKTM/IKM dalam menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran terutamanya dari aspek kepintaran emosi pelajar-pelajar. Ianya juga mungkin dapat membantu golongan pendidik sebagai sumber rujukan membina potensi kecerdasan emosi bertujuan membawa kepada inovasi pendidikan seterusnya.

Diharapkan juga dapatan kajian ini akan digunakan oleh pihak pengurusan MARA untuk mengesan kepintaran emosi pelajar bagi mencapai aspirasi dan matlamat MARA ke arah merealisasikan wawasan 2020 dan misi MARA.

#### **1.5 BATASAN KAJIAN**

Responden kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar semester akhir di KKTM Petaling Jaya dan IKM Johor Baharu. Semua pelajar semester akhir dipilih sebagai responden dalam kajian ini .

Walaupun terdapat beberapa kajian yang menyenaraikan beberapa pembolehubah lain yang mempengaruhi pencapaian pelajar, kajian ini hanya terbatas untuk mengkaji



pembolehubah-pembolehubah yang dinyatakan sahaja iaitu kepintaran emosi dan faktor demografik.

Disebabkan oleh kekangan masa dan kewangan kajian ini ditumpukan pada sampel yang telah ditetapkan sahaja. Oleh itu dapatan kajian tidak boleh digeneralisasi untuk semua KKTMI/IKM. Dapatan kajian hanya boleh dirumus untuk institusi yang terpilih sahaja.

Hak Milik MARA

## BAB II

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 PENGENALAN

Para pengkaji telah bertungkus lumus untuk menentukan faktor-faktor yang berkesan dalam meramal kejayaan seseorang pelajar dalam pelajaran. Peramal yang paling biasa digunakan dalam mengukur pencapaian akademik adalah mengukur kebolehan kognitif atau ujian IQ (Stinnett, Harvey, & Oehkler-Stinnett, 1994; Wilson & Reschly, 1996). Ujian IQ mempunyai sejarah yang hebat dalam menentukan variasi pencapaian akademik (Bracken & Walker, 1997; Brody, 2002; Flanagan, Andrews, & Genshaft, 1997; Grigorenko & Stenberg, 1997; Jensen, 1981; McDermott, 1984). Secara amnya ia selalu dikatakan sebagai aplikasi yang penting dalam ujian kecedasan adalah kebolehan meramal pencapaian seseorang pelajar (Brown, Reynolds, & Whitaker, 1999; Weiss & Prifitera, 1995).

Tramontana, Hooper, and Selzer (1998) menjalankan 74 kajian longitudinal yang diterbitkan dalam tahun 1973 – 1986, ke atas pelajar-pelajar tadika. Dapatan dari kajian menunjukkan berbagai punca atau faktor dalam meramal pencapaian akademik seperti:

- (a) Kemahiran Kognitif
- (b) Kepintaran akademik
- (c) Kemahiran Bahasa
- (d) Kemahiran motor
- (e) Kefungsian kelakuan dan emosi
- (f) Personaliti
- (g) Imej diri

- (h) Motivasi Pencapaian
- (i) Sikap dan cara belajar
- (j) Perhubungan rakan sebaya
- (k) Perhubungan guru-murid
- (l) Faktor demografik.

Sesetengah pembolehubah lebih efektif daripada yang lain. Contohnya banyak peramal perhubungan tidak sesuai untuk aras umur yang berbeza. Berdasarkan maklumat di atas kejayaan dalam akademik tidak bergantung pada IQ semata-mata. Akhir-akhir ini penemuan teori baru telah diperkenalkan seperti teori 'Kecerdasan Pelbagai' (Gardner, 1983) dan 'Teori Kepintaran Emosi' (Bar-On, 1988; Mayer & Salovey, 1990; Goleman, 1995). Teori-teori ini menyatakan kejayaan seseorang bergantung kepada beberapa kepintaran dan juga pengawalan emosi.

## 2.2 APAKAH ITU KEPINTARAN EMOSI (EQ)?

Kepintaran Emosi (EQ) merupakan kebolehan untuk merasa, memahami dan mengaplikasikan kuasa di sebalik emosi dalam hidup kita seharian. Kepintaran emosi berpunca dari emosi, perasaan dan gerak hati. Malah ianya bukan sesuatu yang hanya boleh dirasionalkan secara intelek. Untuk mengapikasi kepintaran emosi secara betul, kita seharusnya memahami dan menghargai perasaan dan emosi diri sendiri dan orang lain. Lanjutan kepada pemahaman ini, kepintaran emosi menekankan cara membalas yang betul kepada setiap rangsangan persekitaran. Ini ditekankan supaya kita dapat menggunakan pemahaman kita tentang emosi secara betul dalam hidup kita seharian. Kepintaran emosi merupakan pendorong kepada individu untuk berusaha ke arah mencapai matlamat hidup dan aspirasinya. Ia mengubah apa yang difikirkan oleh kita kepada cara kita hidup.

Kepintaran emosi telah menjadi satu tajuk yang sering dibincangkan kebelakangan ini. Teori kepintaran emosi telah diperkenalkan oleh Robert Thorndike pada tahun 1937. Beliau telah merujuknya sebagai kepintaran sosial (*sosial intelligence*) yang

menggambarkan kebolehan seseorang untuk memahami dan mengurus orang lain serta bertindak secara rasional apabila berinteraksi dengan rakan-rakan sebaya.

Menurut Mohd Azahar Abd. Hamid (2004) dalam buku *EQ: Panduan meningkatkan kecerdasan emosi* mengatakan bahawa emosi hanya dimiliki oleh manusia namun tidak semua manusia memiliki kemanusiaan.

Pada tahun 1943, David Wechsler mencadangkan kebolehan bukan akademik (*non-intelligent*) digunakan untuk meramal kejayaan seseorang. Imbrosciano dan Berlach (2003) menerangkan kejayaan dilihat dalam tiga domain utama iaitu kepintaran (*intelligent*), kelakuan baik atau kejayaan akademik. Sehubungan dengan inilah wujud persoalan tentang hubungan di antara ketiga-tiga domain tersebut? Adakah wujud hubungan yang kuat di antara kepintaran dan pencapaian akademik? Adakah pelajar yang mempunyai kepintaran yang tinggi mempunyai kelakuan yang lebih baik? Banyak lagi persoalan yang penting berkait rapat dengan pencapaian akademik pelajar.

Mayer dan Salovey (1990) mencadangkan bahawa orang yang mempunyai kecerdasan emosi adalah mereka yang boleh mengawal emosi berdasarkan model logik emosi bertindak. Mayer dan Salovey telah mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai:

*" ..... the ability to perceive emotions, to access and generate emotions so as to assist thought, to understand emotional knowledge, and to reflectively regulate emotions so as to promote emotional and intellectual growth, "*

Model kepintaran emosi yang pertama telah dicadangkan oleh Mayer dan Salovey (1990). Salovey dalam modelnya telah menghuraikan kecerdasan emosi terbahagi kepada empat (4) komponen utama iaitu,

i. Mengenal emosi (*Identifying emotions*).

Keupayaan seseorang mengenal emosi sendiri dan mengenal emosi orang di sekelilingnya.

- ii. Menggunakan emosi (*Using emotions*).  
Keupayaan seseorang menggunakan emosi dan dapat menghuraikan emosinya.
- iii. Memahami emosi (*Understanding emotions*).  
Keupayaan seseorang memahami emosi yang kompleks dan pertaliannya di antara tahap-tahapnya.
- iv. Mengurus emosi (*Managing emosi*).  
Keupayaan seseorang mengurus emosinya sendiri dan mengawal emosi orang lain.

Seseorang yang mempunyai tahap kognitif yang tinggi tidak semestinya berjaya dalam kehidupan. Sebaliknya mereka yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi adalah dipercayai akan berjaya dalam semua aspek yang diceburi (Mayer dan Salovey, 1990).

Menurut Goleman (1995) kepintaran hanya memberi kesan sebanyak 20% sahaja kepada kejayaan seseorang dan yang selebihnya disebabkan oleh faktor emosi dan kecerdasan sosial. Beliau juga menyatakan bahawa kepintaran emosi adalah salah satu sifat kecerdasan yang termasuk kebolehan:

- i) Memotivasikan diri sendiri dan berjuang ketika kekecewaan
- ii) Mengawal naluri dan melambatkan kehendak hati
- iii) Mengawal mood dan mengelakkan tekanan daripada mengganggu pemikiran
- iv) Mempunyai rasa simpati
- v) Mempunyai harapan

Menurut Goleman (1995) lagi, kecerdasan emosi adalah situasi di mana aspek rohaniah perlu diberi keutamaan dalam kehidupan kita terutamanya dalam situasi bekerja. Ianya termasuk keupayaan seseorang mengawal diri dari kemahuan yang tinggi, mengelola dan mengekspresikan emosi diri sendiri dengan tepat, keupayaan untuk mengenali orang lain dan keupayaan untuk membina hubungan dengan orang lain.

### 2.3 KOMPONEN ASAS KEPINTARAN EMOSI

Goleman telah mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai “*competence, which may be developed through training*” dan telah mengubahsuai model kecerdasan emosi Salovey dan Mayer dengan membahagi kepada lima komponen utama iaitu:

a) Kesedaran Kendiri (*Self Awareness*)

Merupakan kebolehan seseorang individu untuk menyedari dan memahami emosi dan pendorong diri sendiri dan kesannya terhadap individu yang lain.

b) Regulasi Kendiri (*Self Regulation*)

Pengawalaturan diri yang merupakan kebolehan untuk mengawal emosi dan perasaan serta kebolehan untuk bertindak setelah berfikir.

c) Motivasi Kendiri (*Self Motivation*)

Merupakan tenaga yang mengangkat diri seseorang itu ke sebarang tahap yang diinginkannya. Orang yang benar-benar berjaya sentiasa sedar akan tanggungjawabnya dalam motivasi diri sendiri.

d) Kesedaran Sosial (*Social Awareness*)

Merupakan kebolehan untuk memahami rangka emosi orang lain dan kemahiran untuk bertindak bersesuaian dengan reaksi emosi orang lain.

e) Kemahiran Sosial (*Social Skills*).

Merupakan kemahiran untuk mewujudkan hubungan dan membina pertalian yang sihat dengan orang lain. Kemahiran interpersonal juga melibatkan kebolehan untuk mendapatkan asas atau teknik dalam membina perhubungan.

Bagi tujuan kajian ini, model Goleman di atas digunakan untuk mengkaji kecerdasan emosi di kalangan pelajar KKTM/IKM.

Menurut Abdul Rafie Mahat (2001) didalam kajian yang dijalankan oleh Norhayati Ahmad Zakaria, kepintaran emosi merupakan kombinasi kepekaan emosi semulajadi dan kemahiran mengurus emosi yang dipelajari menjurus kearah kesejahteraan hidup yang berpanjangan. Kecerdasan emosi merupakan satu kapasiti mengenal perasaan kita sendiri dan perasaan orang lain, untuk memotivasi diri kita sendiri dan untuk mengurus sebaik mungkin emosi dalaman dan perhubungan kita yang berkaitan dengan kecekapan interpersonal dan kematangan psikologi.

Berdasarkan definisi di atas, EQ dan IQ adalah kebolehan yang berbeza (Ekman 1992; Golemen 1995; Salovey dan Mayer 1990, 1995). Seseorang yang mempunyai IQ yang tinggi tidak semestinya mempunyai EQ yang tinggi.

Ekman (1992) menerangkan bahawa IQ tidak menerangkan tentang takdir dan nasib ia lebih kepada usaha individu itu sendiri. Kajian dibuat ke atas 95 pelajar Harvard dari kelas 1914 yang diikuti perkembangan mereka sehingga usia pertengahan umur. Dilaporkan bahawa lelaki yang mendapat skor tertinggi di kolej tidak semestinya berjaya jika dibandingkan dengan rakan mereka yang mendapat markah yang rendah. Dilaporkan juga mereka yang mendapat kepuasan hidup yang tinggi atau kebahagiaan dalam hubungan rakan, keluarga dan hubungan romantik tidak semuanya dari pelajar yang mendapat skor yang tinggi.

Kecerdasan intelek tidak menyediakan manusia untuk menghadapi tekanan emosi atau stress. Ini bermakna kecerdasan intelek yang tinggi tidak dapat menjamin kejayaan apabila seseorang itu mudah dikuasai oleh emosi. Orang yang kecerdasan intelek sederhana dan mampu pula mengurus emosinya dengan baik lebih berjaya daripada orang yang mempunyai kecerdasan intelek yang tinggi tetapi gagal membendung desakan emosinya.

#### **2.4 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEPINTARAN EMOSI**

Walgito (1993) membahagi faktor yang mempengaruhi kecerdasan emosi terbahagi kepada dua faktor iaitu :

i. Faktor dalaman

Faktor dalaman adalah apa yang ada dalam diri individu yang mempengaruhi kecerdasan emosinya. Faktor dalaman ini memiliki dua sumber iaitu dari segi jasmani dan psikologi. Faktor jasmani adalah faktor fizikal dan kesihatan individu. Apabila fizikal dan kesihatan seseorang terganggu ia mungkin akan mempengaruhi proses kecerdasan emosinya. Faktor psikologi pula terdiri daripada pengalaman, perasaan, kemampuan berfikir dan motivasi.

ii. Faktor Luaran

Faktor luaran adalah faktor yang mendorong atau memangkinkan kepintaran emosi. Ia berada di luar kawalan individu itu sendiri. Contohnya persekitaran masyarakat itu sendiri, suasana pembelajaran di sekolah dan faktor keluarga pelajar tersebut.

Menurut Mohd Azhar Abdul Hamid dalam bukunya bertajuk *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*, terdapat sekurang-kurangnya tujuh faktor yang mempengaruhi perkembangan emosi iaitu:

- i. Kepintaran - Mereka yang pintar lebih peka kepada perkembangan berlakunya bahaya.
- ii. Jantina - Kanak-kanak perempuan mempunyai ekspresi takut lebih dari lelaki.
- iii. Status sosioekonomi - Kanak-kanak kelas rendah lebih takut kerana lebih terdedah kepada masalah dan keganasan
- iv. Keadaan fizikal - Kanak-kanak yang kelaparan dan keadaan fizikal yang tidak baik mempunyai ketakutan yang lebih.
- v. Hubungan sosial - Kanak-kanak yang berada dalam kumpulan yang takut sama-sama berasa takut.
- vi. Kedudukan dalam keluarga - Kanak-kanak sulung takut saingan daripada adik-adiknya.
- vii. Personaliti - Kanak-kanak yang tidak yakin dan ekstrovet lebih takut daripada kanak-kanak yang lebih yakin pada diri sendiri.



## 2.5 PENTINGNYA KEPINTARAN EMOSI DALAM KEHIDUPAN

Menurut Aristotle dalam *The Nicomachean Ethics*:

*"Anyone can become angry – that is easy. But to be angry with the right person, to the right degree, at the right time, for the right purpose and in a right way – this is not easy"*.

Menurut Oliver Wendell Holmes pula, dalam buku Covey (1989), apa yang berada di belakang kita dan apa yang berada di hadapan kita adalah perkara kecil berbanding dengan apa yang berada di dalam kita.

Kajian juga telah membuktikan bahawa 90% yang hidup gembira dapat bertahan sehingga umur 85 tahun berbanding 34% yang tidak hidup gembira (Seligman, 2002). Ini disokong oleh Dr. Alexis Carrel (Dale, 1997) yang menyatakan bahawa sesiapa yang tidak dapat mengatasi kebimbangan akan mati dalam usia muda. Menurut Dale (1997), Dr. Russel L. Cecil dari *School of Medical Cornell University*, menyatakan bahawa kehancuran rumahtangga, kesedihan dan masalah kewangan, kesepian dan kebimbangan, perasaan dendam kesumat yang tidak pernah padam adalah menjadi punca radang sendi. Emosi yang tidak menyenangkan yang disebabkan oleh kebimbangan juga boleh menyebabkan kerosakan gigi (Dale, 1997). Ini menunjukkan bahawa emosi mempunyai perkaitan yang rapat dengan perkembangan fizikal manusia.

Satu kajian yang telah dijalankan ke atas 358 orang pengurus Johnson & Johnson Consumer & Personal Care Group mendapati pengurus yang berjaya adalah pengurus yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi (Cavallo, K. 2001). Ini jelas menunjukkan kepintaran intelek tidak menjamin kejayaan seseorang dalam sesuatu bidang. Ia hanya prasyarat atau indikator kelayakan akademik yang memenuhi syarat memohon jawatan tetapi belum menjamin kejayaan tanpa kekuatan emosi dalaman. Kekuatan ini membantu menangani masalah komunikasi dengan orang lain, lebih besar pengaruhnya kepada kejayaan dan prestasi di tempat kerja. Kejayaan seseorang

menyatupadukan perkara-perkara logik dan rasional dengan perasaan dan membangkitkan emosi dianggap orang yang mempunyai kecerdasan emosi.

Oleh demikian, khususnya dalam zaman yang penuh cabaran ini masyarakat kini banyak menghadapi tekanan emosi kerana corak kehidupan yang terlalu sibuk. Menangani kecerdasan emosi perlu diberi perhatian supaya generasi akan datang mengharungi cabaran dengan lebih tenang dan terancang lagi.

Menurut Gardner (1987):

*"It is of the utmost importance that we recognize and nurture all the varied human intelligences, and all of the combinations of intelligences. We are all so different largely because we all have different combinations of intelligence. If we recognize this, I think we will have at least a better chance of dealing appropriately with the many problems that we face in the world."*

Ini bererti kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam hidup kita dan sedikit sebanyak telah mempengaruhi segala tindak-tanduk kita. Justeru itu, adalah wajar setiap insan memandang berat terhadap pembentukan dan perkembangan emosi yang sihat dan positif.

## **2.6 KAJIAN LEPAS**

Beberapa kajian telah dijalankan berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi pembelajaran dan pencapaian pelajar-pelajar. Di antaranya faktor emosi yang perlu diberi keutamaan kerana kepintaran emosi mempunyai hubungan yang rapat dengan kejayaan pelajar.

Feshback & Feshback (1987) telah menjalankan satu penyelidikan berhubung dengan proses afektif dengan pencapaian akademik. Proses afektif ini melibatkan pembolehubah

empati dan beliau mendapati ada hubungan yang signifikan di antara domain empati pelajar perempuan yang berusia di antara 8 hingga 9 tahun dengan pencapaian akademik mereka ketika berusia 10 hingga 11 tahun. Namun, tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara domain empati dengan pencapaian akademik bagi pelajar lelaki.

Chicago Tribune, bertarikh 6 September 2000 melaporkan tentang keluaran dari USA Department of Health and Human Services. Laporan menyatakan bahawa kegagalan bukan terletak pada kemampuan kognitif pelajar tetapi pada masalah psikososial iaitu aspek kepintaran emosi dan sosial pelajar. Di sekolah terdapat beberapa aspek emosi yang mempengaruhi keberhasilan pelajar, antaranya ialah rasa percaya diri, rasa ingin tahu, motivasi, kemampuan mengawal diri, kemampuan bekerjasama, mudah bergaul, mampu memberi tumpuan, rasa empati dan kemampuan berkomunikasi. Pelajar-pelajar yang mempunyai masalah dalam perkembangan emosi akan mengalami kesulitan belajar, berinteraksi sosial dan tidak dapat mengawal emosi.

Pelajar-pelajar yang mempunyai kepintaran emosi yang tinggi, mampu meningkatkan keyakinan diri, kemahiran interpersonal dan menangani tekanan dalam bidang akademik. Goleman (1995) berpendapat, keupayaan memantau perasaan diri dari masa ke semasa adalah satu tindakan bijak dalam bidang psikologi dan kefahaman diri dan berhubung rapat dengan sikap puas hati terhadap kerja dan kehidupan. Menurutnya lagi, mereka yang dapat mengetahui perasaan diri dapat menjadikannya sebagai pemandu dan pengawal untuk dirinya menghadapi kehidupan, mempunyai sifat sedar dalam membuat keputusan dan apa saja hal yang berkaitan dengan kehidupannya. Seseorang itu juga perlu mengawal emosi dan perasaan marahnya agar dapat merapatkan hubungannya dengan orang lain, menurut Lerner (1986).

Remmers dan Gage (1943) mengatakan ada kaitan di antara sikap dengan kepintaran emosi dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Jordon (1940) juga mengatakan ada kaitan di antara sikap pelajar dengan pencapaian mata pelajaran di mana terdapatnya korelasi yang signifikan. Begitu juga Adam (1962) menyatakan pelajar yang mempunyai sikap yang positif dalam mata pelajaran ada kaitan dengan pencapaian yang tinggi dalam matapelajaran tersebut.

Norhayati Ahmad Zakaria (2003) menjalankan kajian mengenai hubungan emosi dan pencapaian akademik dan mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dan pencapaian akademik pelajar. Beliau juga mendapati wujudnya hubungan yang positif di antara domain regulasi sendiri, pengurusan emosi, dan pemotivasian emosi dengan pencapaian akademik pelajar.

Menurut Noriah Mohd Ishak (2004), hasil kajian yang telah dijalankan terhadap pelajar tahun satu Universiti Kebangsaan Malaysia mendapati pelajar mempunyai indeks kepintaran emosi ditahap sederhana. Kajian juga mendapati terdapat perbezaan indeks kecerdasan emosi yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar perempuan mempunyai indeks kecerdasan emosi yang tinggi berbanding pelajar lelaki. Beliau juga mendapati indeks kecerdasan emosi adalah faktor utama yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar berbanding dengan status sosio-ekonomi keluarga.

Kajian yang sama telah dijalankan oleh Azizi Hj. Yahaya yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dan pencapaian akademik pelajar. Tetapi kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan tingkahlaku kenakalan pelajar.

Hillaluddin Johan Ariffin (2003) membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kepintaran emosi mengikut jantina.

## **BAB III**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Kajian ini yang bertujuan mengkaji perkaitan di antara pencapaian akademik dengan kepintaran emosi dan faktor demografik pelajar-pelajar Kolej Kemahiran MARA Petaling Jaya dan Institut Kemahiran MARA Johor Baharu. Kajian ini akan melihat secara teliti hubungan setiap dimensi kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik pelajar.

Reka bentuk kajian ini juga termasuklah pengujian hipotesis dan penganalisan data secara analisis statistik dengan menggunakan SPSS.

#### **3.2 SAMPEL KAJIAN**

Kajian ini akan dilakukan kepada semua pelajar semester akhir KKTMPJ dan IKMJB. Bilangan pelajar semester akhir yang menjadi responden kajian ini adalah seramai 54 orang pelajar dari KKTMPJ dan 49 orang pelajar IKMJB.

#### **3.3 INSTRUMEN KAJIAN**

Satu set soal selidik telah direkabentuk untuk mengumpul segala maklumat yang diperlukan bagi kajian ini. Soal selidik ini telah diadaptasi dari kajian yang telah dijalankan oleh Shammila Bt Abdullah dan Hillaluddin Bin Johan Ariffin. Soal selidik

telah diedar kepada semua pelajar semester akhir di kedua-dua institusi terpilih. Pelajar-pelajar diminta menjawab soal selidik dalam masa lebih kurang 30 minit.

Soal selidik terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu:

- i. Bahagian A – Bahagian ini terdiri daripada 38 item yang berkaitan dengan komponen kepintaran emosi, iaitu mengetahui emosi diri, mengurus emosi diri, motivasi diri, mengetahui emosi orang lain dan menangani perhubungan.
- ii. Bahagian B – Bahagian ini pula mengandungi 11 item mengenai pencapaian akademik pelajar-pelajar. Matapelajaran yang di pilih ialah Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Disamping itu nilai CGPA juga diperlukan untuk menentukan tahap pencapaian akademik pelajar.
- iii. Bahagian C – Bahagian ini mengandungi 6 item yang bertujuan untuk mendapatkan demografik responden yang boleh mempengaruhi kepintaran emosi seseorang.

#### 3.4 KAJIAN RINTIS

Kajian rintis merupakan jenis penyelidikan berskala kecil sebelum kajian utama dilakukan (Sapsford dan Jupp, 1996). Kepentingannya adalah untuk membina satu set kategori maklum balas tentang setiap soalan yang akan merangkumi secara keseluruhan jawapan yang akan diberikan oleh responden terhadap soal selidik dalam kajian sebenar.

Seramai 10 orang pelajar semester 4 yang bukan dari responden sebenar telah di ambil secara rawak dari KKTMPJ. Responden dikatakan mempunyai ciri yang sama seperti sampel sebenar. Tujuan kajian rintis adalah untuk memastikan ketekalan dan kebolehpercayaan item yang dibina. Ia juga untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap arahan, kesesuaian, bahasa, ayat serta kandungan keseluruhan instrumen yang digunakan.


Ujian kesahihan melalui Cronbach's Alpha telah digunakan ke atas setiap pemboleh ubah menggunakan program statistik SPSS. Menurut Sekaran (1992), kebolehpercayaan item-

item yang dibentuk dalam soal selidik adalah bergantung kepada ketinggian nilai alphanya. Bagi nilai alpha yang tinggi iaitu melebihi 0.6 adalah dianggap sesuai sebagai nilai pekali yang tinggi dan boleh diterima.

Setelah dianalisa, hasil keputusan kajian rintis ini menunjukkan bahawa nilai Cronbach's Alpha bagi faktor-faktor dalam pembolehubah bebas adalah di antara 0.73 hingga 0.92.

### 3.5 KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual kajian ini adalah berdasarkan model yang telah diperkenalkan oleh Solvey dan Meyer (1990) and Goleman. Modal ini dipilih kerana ia bersesuaian dengan objektif kajian ini. Dalam kajian ini, kepintaran emosi adalah pembolehubah tak bersandar yang pertama dan faktor demografik menjadi pemboleh ubah tak bersandar yang kedua manakala pencapaian akademik adalah pemboleh ubah bersandar.



Rajah 1: Kerangka Konseptual

## BAB IV

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 ANALISIS DATA

Kedua-dua statistik iaitu Statistik Diskriptif dan Statistik Inferens digunakan dalam kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan SPSS.

Statistik Diskriptif adalah seperti nilai min, peratus dan sisihan piawai digunakan untuk menerangkan analisis data berkenaan dengan demografik bagi menerangkan ciri-ciri responden. Analisis statistik inferens digunakan untuk analisis korelasi dan regresi dalam menentukan hubungan di antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah bebas.

Ujian t digunakan untuk menjelaskan perbezaan antara kepintaran emosi mengikut jantina, kategori penerimaan anugerah. Analisis varians (ANOVA) pula digunakan untuk menjelaskan adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min kepintaran emosi mengikut tempat kediaman, perhubungan ibubapa, bilangan adik beradik, pekerjaan ibubapa dan jumlah pendapatan ibubapa.

Selain daripada itu pengujian hipotesis dijalankan untuk melihat perhubungan antara pembolehubah bebas iaitu faktor demografi dan kepintaran emosi pelajar dengan pembolehubah bersandar iaitu pencapaian dalam akademik. Untuk semua analisis pengujian hipotesis, aras keyakinan pada alpha ( $\alpha$ ) 0.05 akan digunakan.

Akhir sekali analisis Korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kekuatan hubungan di antara kepintaran emosi dan pencapaian akademik.



## 4.2 ANALISIS DESKRIPTIF


Seramai 103 orang pelajar terpilih sebagai responden dalam kajian ini, 54 pelajar dari KKTMPJ dan 49 pelajar dari IKMJB.

### 4.2.1 Demografik Responden

Jadual 1 menunjukkan pecahan responden mengikut jantina. Responden dalam kajian ini terdiri dari 66 pelajar lelaki dan 37 pelajar perempuan.

Jadual 1: Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	66	64.1%
Perempuan	37	35.9%
<b>Jumlah</b>	<b>103</b>	<b>100</b>



Rajah 2: Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jadual 2 pula menunjukkan latarbelakang responden, 66% daripada responden tinggal di asrama, 6.8% tinggal bersama keluarga dan 27.2% tinggal menyewa bersama rakan-rakan. Majoriti dari pelajar adalah tinggal di asrama yang telah disediakan oleh pihak institusi.

**Jadual 2: Bilangan Responden Mengikut Tempat Kediaman**

Tempat Kediaman	Bilangan	Peratus
Asrama	68	66%
Bersama Ibubapa	7	6.8%
Menyewa Bersama Rakan	28	27.2%
<b>Jumlah</b>	<b>103</b>	<b>100</b>




**Rajah 3: Peratus Responden Mengikut Tempat Kediaman**

Dari segi perhubungan ibubapa (Jadual 3), majoriti responden 84.5% adalah dari keluarga yang mana ibubapa masih suami isteri, manakala 8.7% adalah datangnya dari keluarga yang ibubapa telah bercerai dan 6.8% adalah dari keluarga yang kematian ibu atau bapa.

**Jadual 3: Bilangan Responden Mengikut Perhubungan Iubapa**

Perhubungan Iubapa	Bilangan	Peratus
Suami Isteri	87	84.5%
Berceraai	9	8.7%
Meninggal Dunia	7	6.8%
<b>Jumlah</b>	<b>103</b>	<b>100</b>



**Rajah 4: Peratus Responden Mengikut Perhubungan Iubapa**

Merujuk jadual 4, 14.6% daripada responden mempunyai adik beradik kurang dari 3 orang, manakala 55.3 % mempunyai bilangan adik beradik antara 4 – 6 orang dan 30.1% mempunyai adik beradik lebih dari 6 orang. Dapatan kajian merumuskan kebanyakan responden kajian ini adalah datangnya dari keluarga yang sederhana besar.

**Jadual 4: Bilangan Responden Mengikut Bilangan Adik Beradik**

Bilangan Adik Beradik	Bilangan	Peratus
Kurang dari 3 orang	15	14.6%
Antara 4 – 6 orang	57	55.3%
Lebih dari 6 orang	31	30.1%
<b>Jumlah</b>	<b>103</b>	<b>100</b>




**Rajah 5: Peratus responden mengikut bilangan adik beradik**

Statistik diskriptif yang dilakukan terhadap jumlah pendapatan ibubapa (Jadual 5) menunjukkan jumlah pendapatan ibubapa responden adalah kurang dari RM2000 sebulan. Boleh dikatakan responden kebanyakan adalah datang dari keluarga yang sederhana.

**Jadual 5: Bilangan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan**

Pendapatan Keluarga	Bilangan	Peratus
< RM 1000	35	34.0%
RM 1001 – 2000	37	35.9%
RM 2001 – 3000	11	10.7%
RM 3001 – 4000	8	7.8%
> RM 40000	12	11.7%
<b>Jumlah</b>	<b>103</b>	<b>100</b>

#### 4.2.2 Pencapaian Akademik Responden




**Rajah 6: Bilangan Pelajar Mengikut Pencapaian CGPA**

Berdasarkan Carta Bar (Rajah 6) di atas didapati 82.5% daripada responden memperoleh CGPA melebihi 3.00. Berdasarkan nilai CGPA tersebut, boleh dikatakan responden adalah dalam kategori pelajar-pelajar yang pintar.

Jadual 6 menunjukkan keputusan SPM reponden kajian untuk matapelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris.

**Jadual 6: Peratus Keputusan SPM Mengikut Subjek**

Gred	Matematik (%)	Sains (%)	Bahasa Inggeris (%)
A1	14.6	1.2	22.3
A2	15.5	1.2	18.4
B3	22.3	24.4	23.3
B4	7.8	25.6	11.7
C5	12.6	22	11.7
C6	5.8	13.4	6.8
D7	7.8	6.1	3.9
D8	4.9	3.7	1.0
E9	8.7	2.4	1.0



**Rajah 7: Peratus Keputusan SPM Mengikut Subjek**

Berdasarkan Carta Bar (Rajah 7), didapati keputusan subjek Bahasa Inggeris di peringkat SPM lebih baik berbanding dengan subjek Matematik dan Sains. Ini berdasarkan peratus pelajar mendapat kepujian (C6 – A1) dalam matematik adalah sebanyak 78.6%, Sains 87.8% dan Bahasa Inggeris adalah sebanyak 94.1%.

#### 4.2.3 Kepintaran Emosi Responden

Jadual 7: Statistik Deskriptif Bagi Kepintaran Emosi

	N	Minimum	Maximum	Min	Sisihan Piawai	Kepencongan	
	Statistik	Statistik	Statistik	Statistik	Statistik	Statistik	ralat
KESEDARAN KENDIRI	103	1.00	5.00	3.7309	.60784	-.601	.238
REGULASI KENDIRI	103	1.00	5.00	3.9265	.62105	-1.012	.238
MOTIVASI KENDIRI	103	1.00	5.00	3.7642	.60500	-.774	.238
KESEDARAN SOSIAL	103	1.00	5.00	3.8471	.61261	-.794	.238
KEMAHIRAN SOSIAL	103	1.00	5.00	3.5879	.64912	-.415	.238

Dapatan dari jadual 7 di atas, secara keseluruhannya min bagi semua dimensi Kepintaran Emosi adalah hampir sama, iaitu berada di antara 3.5 – 3.9. Kepintaran emosi responden berada di peringkat sederhana.

#### 4.3 KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN

Ujian kesahan dilakukan ke atas konstruk yang digunakan iaitu kepintaran emosi. Terdapat 5 konstruk yang perlu dilakukan ujian kesahan iaitu Kesedaran Kendiri, Regulasi Kendiri, Motivasi Kendiri, Kesedaran Sosial dan Kemahiran Sosial. Setiap

konstruk yang memberi nilai alpha lebih dari 0.7 akan digunakan dan bagi item yang tidak memenuhi pengujian kesahan tidak akan diambil kira dalam kajian ini. Semakin tinggi nilai alpha menunjukkan tingginya kebolehpercayaan item tersebut untuk mengukur sesuatu yang perlu diukur. Jadual 8 menunjukkan nilai Cronbach Alpha bagi setiap konstruk dalam kajian.

**Jadual 8 : Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Bagi Kepintaran Emosi**

Kepintaran Emosi	Bilangan Item	Item Yang Diambilkira	Cronbach's Alpha
Kesedaran Kendiri	7	7	0.783
Regulasi Kendiri	7	7	0.833
Motivasi Kendiri	7	7	0.827
Kesedaran Sosial	8	8	0.833
Kemahiran Sosial	9	9	0.885

Untuk kesemua konstruk yang dikaji, kesemua itemnya diambil kira dalam kajian. Ini berdasarkan nilai Cronbach's Alpha yang lebih besar dari 0.7 iaitu di antara 0.783 – 0.885.

#### 4.4 PENGUJIAN HIPOTHESIS

Pengujian hipotesis dalam kajian ini menekankan pada perhubungan di antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Pencapaian akademik merupakan pembolehubah bersandar manakala pembolehubah bebas adalah faktor demografik dan kepintaran emosi.

Untuk semua pengujian hipotesis dalam kajian ini aras keertian  $p < 0.05$  dengan 95% selang keyakinan digunakan. Ini bermakna bagi setiap pengujian hipotesis, hipotesis null ditolak sekiranya nilai "p" kurang daripada nilai alpha ( $p < 0.05$ ).



#### 4.4.1 Ujian t

##### *Hipotesis 1*

$H_0$  : Tidak terdapat perbezaan kepintaran emosi di antara pelajar lelaki dan perempuan ( $\mu_L = \mu_P$ ).

$H_1$  : Terdapat perbezaan kepintaran emosi di antara pelajar lelaki dan perempuan ( $\mu_M \neq \mu_F$ ).

**Jadual 9: Ujian t Perbezaan Kepintaran Emosi Mengikut Jantina**

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	Sig.
Lelaki	66	3.74	0.55	-0.673	0.502
Perempuan	37	3.82	0.57		

Dapatan keputusan ujian t (Jadual 9) menunjukkan skor min kepintaran emosi pelajar perempuan 3.82, nilai ini lebih tinggi berbanding skor min pelajar lelaki 3.74. Walaubagaimana pun perbezaan nilai min dapati tidak signifikan ( $p = 0.502$ ,  $p > 0.05$ ). Ini menunjukkan bahawa tidak terdapat bukti yang mencukupi untuk mengatakan bahawa terdapat perbezaan kepintaran emosi pelajar mengikut jantina. Ini bermakna hipotesis null yang mengatakan tidak terdapat perbezaan kepintaran emosi di antara lelaki dan perempuan boleh diterima. Boleh disimpulkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi kepintaran emosi pelajar KKTMM/IKM.

Dapatan ini selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Hillaludin Johan Ariffin (2003) yang mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kepintaran emosi mengikut jantina. Walaubagaimana pun menurut Noriah Mohd Ishak (2004), hasil kajian yang telah dijalankan terhadap pelajar tahun satu Universiti Kebangsaan Malaysia mendapati terdapat perbezaan indeks kepintaran emosi yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar perempuan mempunyai indeks kepintaran yang tinggi berbanding pelajar lelaki.

#### 4.4.2 ANOVA

##### *Hipotesis 2*

$H_0$  : Tidak terdapat perbezaan kepintaran emosi di antara pelajar tinggal di asrama, tinggal bersama ibubapa dan menyewa bersama rakan ( $\mu_1 = \mu_2 = \mu_3$ )

$H_1$  : Terdapat perbezaan kepintaran emosi di antara pelajar tinggal di asrama, tinggal bersama ibubapa dan menyewa bersama rakan ( $\mu_1 \neq \mu_2 \neq \mu_3$ ).

**Jadual 10 : ANOVA Kecerdasan Emosi Mengikut Tempat Kediaman**

	Jumlah kuasadua	dk	Kuasadua min	F	Sig.
Di antara kumpulan	0.017	2	0.009	0.027	0.973
Di dalam kumpulan	31.479	100	0.315		
Jumlah	31.496	102			

Dapatan keputusan ANOVA menunjukkan perbezaan yang wujud dalam skor min adalah tidak signifikan ( $p = 0.973$ ,  $p > 0.05$ ) di antara pelajar yang tinggal di asrama, tinggal bersama ibubapa dan tinggal menyewa bersama rakan. Ini memberi maksud tidak terdapat perbezaan kepintaran emosi di antara pelajar tinggal di asrama, tinggal bersama ibubapa dan menyewa bersama rakan. Dengan lain perkataan kecerdasan emosi bukan dipengaruhi oleh tempat kediaman pelajar tersebut.

##### *Hipotesis 3*

$H_0$  : Tidak terdapat perbezaan kepintaran emosi di antara pelajar yang masih mempunyai ibubapa, ibubapa bercerai dan ibubapa meninggal dunia ( $\mu_1 = \mu_2 = \mu_3$ )

H<sub>1</sub> : Terdapat perbezaan kepintaran emosi di antara pelajar yang masih mempunyai ibubapa, ibubapa bercerai dan ibubapa meninggal dunia ( $\mu_1 \neq \mu_2 \neq \mu_3$ ).

**Jadual 11 : ANOVA Kecerdasan Emosi Mengikut Perhubungan Ibubapa**

	Jumlah kuasadua	dk	Kuasadua min	F	Sig.
Di antara kumpulan	0.488	2	0.244	0.787	0.458
Di dalam kumpulan	31.008	100	0.310		
Jumlah	31.496	102			

Dapatan keputusan ANOVA menunjukkan perbezaan yang wujud dalam skor min adalah tidak signifikan ( $p = 0.458$ ,  $p > 0.05$ ) di antara pelajar yang masih mempunyai ibubapa, ibubapa bercerai dan ibubapa meninggal dunia. Ini memberi maksud tidak terdapat perbezaan kepintaran emosi di antara pelajar yang datang dari keluarga yang masih mempunyai ibubapa atau tidak.

#### *Hipotesis 4*

H<sub>0</sub> : Tidak terdapat perbezaan kepintaran emosi di antara pelajar yang mempunyai bilangan adik beradik yang ramai dan sedikit ( $\mu_1 = \mu_2 = \mu_3$ )

H<sub>1</sub> : Terdapat perbezaan kepintaran emosi di antara pelajar yang mempunyai bilangan adik beradik yang ramai dan sedikit ( $\mu_1 \neq \mu_2 \neq \mu_3$ ).

**Jadual 12 : ANOVA Kecerdasan Emosi Mengikut Bilangan Adik Beradik**

	Jumlah kausadua	dk	Kuasadua min	F	Sig.
Di antara kumpulan	0.097	2	0.048	0.154	0.858
Di dalam kumpulan	31.400	100	0.314		
Jumlah	31.496	102			

Dapatan keputusan ANOVA menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan dari segi kepintaran emosi bagi pelajar yang datang dari keluarga yang besar atau kecil ( $p = 0.858$ ,  $p > 0.05$ ). Boleh dirumuskan faktor saiz keluarga (bilangan adik beradik) tidak mempengaruhi kepintaran emosi seseorang pelajar.

#### 4.4.3 Korelasi

##### *Hipotesis 5*

- $H_0$  : Tidak wujud perhubungan di antara kepintaran emosi dengan pencapaian akademik pelajar.
- $H_1$  : Wujud perhubungan di antara kepintaran emosi dengan pencapaian akademik pelajar.

**Jadual 13 : Ringkasan Korelasi Pearson Di antara Kecerdasan Emosi dan Pencapaian Akademik**

		Pencapaian Akademik
Kecerdasan Emosi	Korelasi Pearson	-0.20*
	Sig. (2-tailed)	0.043
	N	103

\* korelasi signifikan pada aras 0.05

Daripada keputusan Korelasi Pearson (Jadual 13) menunjukkan sig. < 0.05, yang mana mempunyai bukti yang kuat untuk menolak hipotesis null. Ini bermaksud wujud perhubungan negatif yang lemah (berdasarkan nilai  $r = -0.2$ ) di antara kepintaran emosi dengan pencapaian akademik pelajar. Nilai negatif (-0.20) menunjukkan hubungan yang wujud adalah hubungan menyongsang. Daripada dapatan ini dapat dirumuskan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi adalah pelajar yang rendah kecerdasan emosinya.

Dapatan ini tidak bertepatan dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Noriah Mohd Ishak dan rakan-rakan yang mendapati kepintaran emosi adalah faktor penyumbang utama kepada pencapaian akademik pelajar. Walaubagaimanapun keputusan ini tidak bercanggah dengan pendapat yang dikemukakan oleh Ekman (1992), Goleman (1995), Solvan dan Mayer (1990) yang menyatakan seseorang yang mempunyai kecerdasan intelek yang tinggi tidak semestinya mempunyai kepintaran emosi yang tinggi.

**Jadual 14: Korelasi Di antara CGPA Dan Item Di Dalam Kecerdasan Emosi**

		Kesedaran Kendiri	Regulasi Kendiri	Motivasi Kendiri	Kesedaran Sosial	Kemahiran Sosial
CGPA	Korelasi Pearson	-0.257**	-0.195*	-0.134	-0.159	-0.153
	Sig. (1-tail)	0.004	0.024	0.088	0.055	0.061
	N	103	103	103	103	103

\*\* korelasi signifikan pada aras keertian 0.01

\* korelasi signifikan pada aras keertian 0.05

Hubungan di antara pencapaian akademik dengan item dalam kepintaran emosi juga dikaji. Daripada jadual 14, dapat dirumuskan dua item sahaja iaitu kesedaran sendiri dan regulasi sendiri yang signifikan berkorelasi dengan CGPA pelajar. Tetapi nilai pekalnya adalah negatif, ini bererti semakin tinggi kesedaran sendiri dan regulasi sendiri akan menyebabkan rendahnya pencapaian akademik pelajar. Dengan lain perkataan pelajar yang pandai dari segi akademiknya mempunyai tahap kesedaran sendiri dan regulasi sendiri yang rendah.

**Jadual 15: Nilai Pekali Pearson Di Antara Kepintaran Emosi Dan Pencapaian Akademik (mengikut subjek)**

		B.Inggeris	Matematik	Sains
Kepintaran emosi	Korelasi Pearson	-0.220**	-0.130	-0.086
	Sig. (1-tail)	0.026	0.190	0.388
	N	103	103	103

Jadual 15 menunjukkan analisis Pekali Korelasi Pearson di antara kepintaran emosi dan pencapaian di dalam setiap subjek yang dipilih. Wujud hubungan songsang yang lemah di antara kepintaran emosi dan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Berdasarkan analisa keputusan, boleh dirumuskan pelajar yang tinggi kepintaran emosi selalunya lemah dalam subjek Bahasa Inggeris. Manakala tiada hubungan yang signifikan di antara kepintaran emosi dan pencapaian subjek Matematik dan Sains. Ini bermakna subjek matematik dan sains tidak mempengaruhi atau memberi kesan yang signifikan kepada kepintaran emosi.

*Hipotesis 5*

- $H_0$  : Tidak wujud hubungan di antara kepintaran emosi dan penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum
- $H_1$  : Wujud hubungan di antara kepintaran emosi dan penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum.

**Jadual 16: Pekali Korelasi Pearson Di Antara Kepintaran Emosi Dan Penglibatan Dalam Ko-kurikulum.**

		Ko-kurikulum
Kepintaran Emosi	Korelasi Pearson	0.538**
	Sig. (1-tail)	0.000
	N	103

\*\* Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed).

Daripada analisis Korelasi Pearson dalam jadual 16, menunjukkan wujudnya hubungan positif yang sederhana di antara kepintaran emosi dan penglibatan dalam ko-kurikulum ( $r = 0.538$ ,  $p = .000 < 0.05$ ). Boleh dirumuskan pelajar yang mempunyai kepintaran emosi yang tinggi selalunya pelajar yang aktif dalam ko-kurikulum.

**Jadual 17: Korelasi Pearson di antara CGPA dan Gred Subjek Matematik, Matematik Tambahan, Sains dan Bahasa Inggeris**

		CGPA	SPM_MM	SPM_AM	SPM_SC	SPM_BI
CGPA	Pearson Correlation	1.000	.288**	.314**	-.010	.166
	Sig. (2-tailed)		.003	.001	.918	.094
	N	103.000	103	103	103	103
SPM_MM	Pearson Correlation	.288**	1.000	.553**	-.212*	.454**
	Sig. (2-tailed)	.003		.000	.032	.000
	N	103	103.000	103	103	103
SPM_AM	Pearson Correlation	.314**	.553**	1.000	-.356**	.370**
	Sig. (2-tailed)	.001	.000		.000	.000
	N	103	103	103.000	103	103
SPM_SC	Pearson Correlation	-.010	-.212*	-.356**	1.000	-.058
	Sig. (2-tailed)	.918	.032	.000		.559
	N	103	103	103	103.000	103
SPM_BI	Pearson Correlation	.166	.454**	.370**	-.058	1.000
	Sig. (2-tailed)	.094	.000	.000	.559	
	N	103	103	103	103	103.000

\*\* . Korelasi signifikan pada aras 0.01

\* . Korelasi signifikan pada aras 0.05

Dapatan dalam analisis korelasi (Jadual 17) menunjukkan bahawa wujud hubungan signifikan yang lemah di antara CGPA dengan keputusan Matematik Moden dan Matematik Tambahan. Manakala tidak wujud hubungan yang signifikan di antara CGPA dengan subjek Sains dan Bahasa Inggeris. Ini bermakna pelajar yang mendapat CGPA yang tinggi selalunya mempunyai markah yang tinggi dalam Matematik diperingkat SPM.



**Jadual 18: Korelasi Pearson Di Antara Komponen Kepintaran Emosi**

		REGULASI KENDIRI	MOTIVASI KENDIRI	KESEDARAN SOSIAL	KEMAHIRAN SOSIAL
KESEDARAN KENDIRI	Korelasi Pearson	.761**	.753**	.712**	.722**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000
	N	103	103	103	103

\*\* Korelasi signifikan pada aras 0.01

Daripada Jadual 18 di atas dapat dirumuskan wujud hubungan positif yang kuat di antara komponen kepintaran emosi yang dikaji. Didapati nilai pekali korelasi,  $r$  di antara 0.712 – 0.761.

**Jadual 19: Korelasi Pearson di antara CGPA dan Penerimaan Anugerah**

		ANUGERAH
CGPA	Korelasi Pearson	-.448**
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	103

\*\* Korelasi signifikan pada aras 0.01 .

Daripada Jadual 19 didapati nilai pekali korelasi,  $r$  di antara CGPA dan Penerimaan Anugerah adalah -0.448 yang menunjukkan wujud hubungan songsang sederhana yang signifikan di antara CGPA dan Penerimaan Anugerah. Ini bermakna bila Penerimaan Anugerah bertambah satu unit Nilai CGPA akan turun sebanyak 0.448 unit. Dengan lain perkataan semakin banyak anugerah yang diterima semakin rendah nilai CGPA pelajar tersebut, boleh dirumuskan juga biasanya pelajar yang aktif mempunyai CGPA yang rendah.

**Jadual 20: Korelasi Pearson di antara CGPA dan Komponen Kepintaran Emosi**

		KESEDARAN KENDIRI	REGULASI KENDIRI	MOTIVASI KENDIRI	KESEDARAN SOSIAL	KEMAHIRAN SOSIAL
CGPA	Korelasi Pearson	-.257**	-.195*	-.134	-.159	-.153
	Sig. (2-tailed)	.009	.048	.177	.109	.123
	N	103	103	103	103	103

\*\* . Korelasi signifikan pada aras 0.01

\* . Korelasi signifikan pada aras 0.05

Daripada analisis korelasi (Jadual 20) mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara CGPA dengan Kesedaran Kendiri dan Regulasi Kendiri. Namun begitu didapati nilai pekali korelasi adalah negatif di mana Kesedaran Kendiri adalah -0.257 dan Regulasi Kendiri adalah -0.195. Ini bermakna pertambahan dalam kesedaran sendiri dan regulasi sendiri menyebabkan rendahnya nilai CGPA.

#### 4.4.4 Regresi

i) Pengujian model keseluruhan

$$y = \beta_0 + \beta_1 x_1 + \beta_2 x_2 + \beta_3 x_3 + \dots + \beta_n x_n$$

*Hypothesis 6*

$$H_0 : \beta_1 = \beta_2 = \beta_3 = \dots = \beta_n = 0$$

$H_1$  : Sekurang-kurangnya satu daripada  $\beta$  bukan sifar.

**Jadual 21: Ringkasan Model Untuk Analisa Regresi**

Model	R	R kuasadua	F	Sig
1	0.544 <sup>a</sup>	0.296	1.965	0.021 <sup>a</sup>

Daripada analisis regresi didapati nilai  $p = 0.021$  ( $p < 0.05$ ), ini bermakna hipotesis null ditolak dan terima hipotesis alternatif. Dapat dirumuskan sekurang-kurangnya satu daripada nilai  $\beta$  bukan sifar. Berdasarkan model yang dibentuk menunjukkan sekurang-kurangnya satu daripada pembolehubah bebas yang dikaji adalah berkorelasi dengan

pencapaian akademik. Ujian t secara individu akan dilakukan untuk menentukan pembolehubah yang mana berkorelasi dengan pencapaian akademik pelajar.

ii) Pengujian pembolehubah secara individu

*Hypothesis 7*

$$\begin{aligned}
 H_0 : \beta_1 = 0 & \quad H_0 : \beta_2 = 0 & \quad H_0 : \beta_3 = 0 & \quad H_0 : \beta_4 = 0 \\
 H_1 : \beta_1 \neq 0 & \quad H_1 : \beta_2 \neq 0 & \quad H_1 : \beta_3 \neq 0 & \quad H_1 : \beta_4 \neq 0
 \end{aligned}$$

**Jadual 22: Analisis Regresi Bagi Setiap Pembolehubah Bebas**

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
		B	Std. Error	Beta		
1	(Constant)	3.898	.300		12.991	.000
	BI_EFFECTIVE	-.001	.048	-.003	-.021	.983
	M_EFFECTIVE	-.018	.056	-.044	-.316	.753
	CONDUSIVE	-.084	.052	-.231	-1.629	.107
	ENCOURAGE	-.058	.038	-.175	-1.536	.128
	BI_INTEREST	-.057	.043	-.173	-1.313	.193
	M_INTEREST	.064	.038	.213	1.688	.095
	S_INTEREST	.009	.039	.029	.233	.816
	ASK_TEACHER	.119	.051	.324	2.329	.022
	ACTIVE_KO	.008	.039	.025	.194	.846
	GENDER	-.116	.084	-.169	-1.374	.173
	KEDIAMAN	-.129	.044	-.346	-2.956	.004
	P_RELATION	.042	.061	.070	.687	.494
	NO_SIBLING	.013	.053	.026	.244	.808
	S_AWARENES	-.138	.091	-.254	-1.527	.130
	S_REGULATE	-.032	.107	-.060	-.300	.765
	S_MOTIVATE	.150	.111	.273	1.347	.181
	SOSIAL_AWARE	-.033	.099	-.060	-.328	.744
	SOSIAL_SKILL	-.038	.106	-.074	-.357	.722

a. Pembolehubah bersandar: CGPA

Daripada jadual koefisien di atas (Jadual 22) didapati pembolehubah bebas yang nilai  $\beta$  yang bukan sifar adalah yang mempunyai nilai  $p < 0.05$ . Pembolehubah tersebut adalah 'sering bertanya guru' dan 'tempat kediaman pelajar'. Kedua-dua pembolehubah ini berkorelasi dengan pencapaian akademik pelajar.

### iii) Penyuaian Model Terbaik

Regresi berganda digunakan untuk menguji hubungan di antara pencapaian akademik dengan kepintaran emosi dan faktor demografik pelajar dan model terbaik telah disuaikan. Jadual 23 menunjukkan ringkasan model yang menggunakan kaedah 'Stepwise Regression'. Model 4 adalah model terbaik yang mana pembolehubah bebas atau faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar adalah 'Kesedaran Kendiri, Tempat kediaman, kerap bertanya guru dan keselesaan tempat belajar'. Nilai R (Multiple Correlation Coefficient) adalah bernilai 0.451. Ini menunjukkan hubungan yang sederhana wujud di antara keempat-empat faktor mempengaruhi pencapaian akademik. Walaubagaimanapun, nilai yang patut dipertimbangkan adalah nilai penentu koefisien iaitu *R square* ( $R^2$ ). Di dalam model 4 nilai  $R^2$  adalah 0.204 yang bermaksud dengan mengambil kira keempat-empat faktor tersebut dapat menyumbangkan sebanyak 20.4% sahaja manakala 79.6% lagi disebabkan oleh faktor-faktor lain yang tidak termasuk dalam kajian ini.

**Jadual 23: Ringkasan Model**

Model	R	R kuasadua	F	Sig
1	0.257 <sup>a</sup>	0.066	7.134	0.009 <sup>a</sup>
2	0.342 <sup>b</sup>	0.117	6.642	0.002 <sup>b</sup>
3	0.391 <sup>c</sup>	0.153	5.954	0.001 <sup>c</sup>
4	0.451 <sup>c</sup>	0.204	6.263	0.000 <sup>d</sup>

a. Predictors: (Constant), S\_AWARENES

b. Predictors : (constant), S\_AWARENES, KEDIAMAN

c. Predictors : (constant), S\_AWARENES, KEDIAMAN, ASK\_TEACHER

d. Predictors : (constant), S\_AWARENES, KEDIAMAN, ASK\_TEACHER, CONDUSIVE

Jadual 24: Ringkasan Koefisien<sup>a</sup>

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1 (Konstan)	3.741	0.198		18.848	0.000
Kesedaran Kendiri	-0.140	0.053	-0.257	-2.671	0.009
2 (Constant)	3.864	0.201		19.266	0.000
Kesedaran Kendiri	-0.137	0.051	-0.251	-2.666	0.009
Tempat Kediaman	-0.085	0.035	-0.227	-2.411	0.018
3 (Konstan)	3.748	0.206		18.237	0.000
Kesedaran Kendiri	-0.179	0.055	-0.327	-3.275	0.001
Tempat Kediaman	-0.086	0.035	-0.230	-2.490	0.014
Bertanya Guru	0.075	0.037	0.204	2.039	0.044
4 (Konstan)	3.757	0.200			0.000
Kesedaran Kendiri	-.115	0.059	-0.211	-0.211	0.053
Tempat Kediaman	-.101	0.034	-0.270	-0.270	0.004
Bertanya Guru	.114	0.039	0.310	0.310	0.004
Tempat yang kondusif	-.106	0.043	-0.293	-0.293	0.014

a. Pembolehubah bersandar: akademik

Jadual 24 di atas menunjukkan nilai-nilai Beta (koefisien) bagi pembolehubah bebas yang mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. Daripada jadual di atas, model analisis regresi dapat dirumuskan seperti berikut:

$$Y = 3.757 - 0.211X_1 - 0.270X_2 + 0.310 X_3 - 0.293X_4$$

Di mana, Y – Pencapaian akademik

X<sub>1</sub> – Kesedaran sendiri

X<sub>2</sub> – Tempat Kediaman

X<sub>3</sub> – Sering Bertanya Guru

X<sub>4</sub> – Tempat Belajar Yang Kondusif

Daripada model terbaik yang telah disuaikan, boleh dirumuskan tanpa mempertimbangkan keempat-empat faktor tersebut, pencapaian akademik adalah sebanyak 3.757 unit. Kajian juga mendapati semakin tinggi kesedaran sendiri semakin rendah pencapaian akademik, ini tidak selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik sebelum ini seperti Norhayati Ahmad Zakaria (2003) yang menjalankan kajian mengenai hubungan emosi dan pencapaian akademik dan mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dan pencapaian akademik pelajar.

Tempat kediaman pelajar juga menjadi faktor yang signifikan dalam menentukan pencapaian akademik. Daripada model dapat dirumuskan pelajar yang tinggal menyewa ataupun tinggal diluar mempunyai pencapaian akademik yang rendah.

Begitu juga faktor sikap pelajar yang sering berjumpa guru untuk berbincang masalah pembelajaran, semakin kerap pelajar berjumpa guru untuk berbincang masalah pembelajaran semakin tinggi pencapaian akademik.

Tetapi keputusan yang menyongsang diperolehi di antara pencapaian akademik pelajar dan tempat belajar yang kondusif. Semakin selesa tempat belajar semakin rendah pencapaian akademik pelajar. Ini berlaku mungkin kerana cara pembelajaran di sini yang bersifat teknikal atau pun 'hands on' tidak memerlukan bilik yang sangat selesa. Cukup sekadar ada alat-alat atau mesin yang bersesuaian. Mungkin juga sikap pelajar yang majoritinya pelajar lelaki dan biasanya pelajar lelaki kurang mementingkan keselesaan. Disebabkan inilah keputusan yang diperolehi bertentangan dengan apa yang dijangkakan. Mungkin pelajar-pelajar menjadi malas sekiranya belajar di tempat yang berhawa dingin, mereka lebih suka tempat yang membolehkan mereka bergerak bebas dan terbuka.

## BAB V:

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.1 RUMUSAN

Hasil kajian membuktikan bahawa tidak terdapat perbezaan dari segi emosi mengikut jantina. Dapatan ini tidak selaras dengan dapatan kajian Andrian Furnham (1988) yang mendapati skor kepintaran emosi pelajar perempuan lebih tinggi daripada lelaki. Tetapi kajian mereka khusus dalam bidang sosial. Perbezaan ini mungkin kerana latarbelakang responden adalah dari bidang teknikal.

Faktor demografik yang lain seperti bilangan adik-beradik, perhubungan ibubapa dan jumlah pendapatan keluarga tidak menunjukkan perbezaan dari segi kepintaran emosi pelajar-pelajar.

Hasil kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik pelajar. Analisis korelasi menunjukkan hubungan yang negatif. Dapatan ini bersalahan dengan kajian Jordon (1940) dan Adam (1962) dan Joseph Zinns et. Al (2000) yang mendapati sikap yang positif dalam kepintaran emosi akan menyumbangkan pencapaian yang baik dalam pelajaran. Ini berlaku mungkin disebabkan bilangan sampel yang kecil yang tidak dapat menerangkan situasi yang sebenar. Mungkin juga disebabkan sampel yang dipilih, kajian yang dijalankan sebelum ini terdiri dari pelajar-pelajar yang tinggi kepintaran intelegnya. Tetapi responden kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang kurang dari segi akademik tetapi lebih kepada kerja-kerja teknikal (Hands On). Mungkin mentaliti mereka berbeza maka keputusan dari kajian ini juga berbeza.

Untuk menyokong lagi dapatan ini, rekod disiplin pelajar KKTMPJ di rujuk (Lampiran G), dan didapati pelajar yang di rujuk ke dalam kes disiplin atau yang sering menimbulkan masalah disiplin adalah kebanyakannya pelajar-pelajar yang pandai atau dengan kata lain yang tinggi kepintaran akademik. Dapat dirumuskan pelajar-pelajar yang pandai biasanya sering melanggar disiplin. Yang menjadi tanda tanya kenapa pelajar-pelajar yang pintar sering melanggar disiplin. Mungkin kerana mereka terlalu stress dengan sistem pembelajaran, atau terlalu terkongkong oleh undang-undang atau mungkin kerana kejutan budaya kerana institusi ini berada di tengah-tengah kota raya yang sibuk.

Analisis korelasi yang dilakukan juga menunjukkan perhubungan yang signifikan di antara kepintaran emosi dan penglibatan diri dalam ko-kurikulum. Pelajar yang aktif dalam ko-kurikulum selalunya mempunyai kepintaran emosi yang tinggi.

Hubungan yang signifikan juga wujud di antara kepintaran emosi dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Inggeris. Namun begitu hubungannya adalah hubungannya adalah hubungan menyongsang. Didapati semakin tinggi pencapaian Bahasa Inggeris semakin rendah kecerdasan emosi pelajar-pelajar.

Analisis korelasi juga dilakukan terhadap hubungan antara pencapaian CGPA dengan matapelajaran yang lain. Kesimpulan boleh dibuat dimana hanya matapelajaran matematik moden dan matematik tambahan mempunyai hubungan yang signifikan dengan Pencapaian CGPA. Ini berlaku mungkin kerana kursus yang diikuti adalah kursus kejuruteraan, memang bertepatanlah pelajar yang tinggi kemahiran matematiknya akan lebih menguasai bidang kejuruteraan.

Secara keseluruhannya, daripada model yang dibentuk dalam kajian menunjukkan pencapaian akademik dipengaruhi oleh empat faktor iaitu *Kesedaran sendiri*, *Tempat Kediaman Pelajar*, *Sering Bertanya Guru*, *Keadaan Tempat Belajar*. Namun begitu perhubungan antara pencapaian akademik dengan kesedaran sendiri, tempat kediaman dan keadaan tempat belajar adalah hubungan negatif.



Berdasarkan model yang dibentuk dalam kajian, dapat dirumuskan:

- i) Semakin tinggi kesadaran sendiri semakin rendah pencapaian akademik.
- ii) Dari segi tempat kediaman pelajar, yang tinggal di asrama biasanya mempunyai pencapaian akademik yang tinggi.
- iii) Model juga menunjukkan pelajar yang sering bertanya guru apabila tidak faham apa yang diajar mempunyai pencapaian akademik yang tinggi. Jadi faktor sering berjumpa guru adalah faktor yang signifikan dalam menentukan pencapaian akademik.
- iv) Tempat belajar yang kondusif penting dalam menentukan pencapaian akademik tetapi menyongsang. Ini bermakna tempat belajar yang tidak kondusif pun boleh meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

## 5.2 CADANGAN

Goleman (1995) dalam buku beliau telah menyatakan bahawa cara majikan memilih pekerja telah berubah dari hanya melihat kepintaran intelek sahaja kepada melihat kepada kedua-dua kepintaran intelek dan emosi. Pernyataan ini membawa implikasi yang besar kepada institusi pendidikan tinggi khususnya MARA. MARA harus memikirkan jalan terbaik untuk menghasilkan graduan yang dapat bersaing dalam dunia luar. MARA perlu menghasilkan pelajar-pelajar yang bukan tinggi kepintaran akademik sekali gus yang juga mempunyai kepintaran emosi yang tinggi.

Untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang mempunyai kepintaran akademik yang tinggi, faktor-faktor yang mempengaruhinya perlu diberi penekanan yang lebih. Di antara faktornya adalah penyediaan asrama yang cukup untuk semua pelajar, kerana dengan adanya asrama pelajar akan lebih senang untuk menghadiri kelas dan gangguan luar dapat dikurangkan. Dari pengamatan yang dibuat pelajar yang tinggal menyewa bersama rakan-rakan biasanya sering tidak hadir kekelas kerana masalah penggangguatan dan mereka juga lebih terdedah kepada anasir-anasir tidak sihat seperti pergaulan bebas, masalah penagihan dadah, ponteng sekolah dan sebagainya. Jadi, MARA sebagai sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk melahirkan bumiputera yang berilmu perlu segera menangani masalah ini sebelum ianya menjadi lebih kritikal.

Antara faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar KKTM/IKM adalah sikap pelajar itu sendiri. Daripada kajian menunjukkan pelajar yang sering berbincang dengan guru apabila menghadapi sebarang masalah dalam pembelajaran akan memperolehi keputusan yang lebih tinggi dan ini tidak dapat dinafikan. Jadi untuk menghasilkan pelajar yang pintar, hubungan yang rapat antara pelajar dan guru perlu diwujudkan. Guru-guru perlu lebih terbuka, senang dihubungi dan lebih mesra untuk menggalakkan pelajar berbincang tentang masalah pelajaran.

